

Usim tangguh kuliah jika IPU sangat tidak sihat

14 SEPTEMBER 2015



NILAI - Pihak pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) di sini, mempertimbangkan untuk menangguhkan sesi kuliah sekiranya Indeks Pencemaran Udara (IPU) mencatat bacaan sangat tidak sihat.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Usim, Prof Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan berkata, langkah itu akan diputuskan pada mesyuarat bersama Naib Canselor Prof Datuk Dr Musa Ahmad, pada lewat petang ini.

"Kita juga menasihatkan pelajar untuk memakai topeng muka apabila berada di luar kolej kediaman dan bilik kuliah, selain mengurangkan aktiviti luar seperti bersukan dan riadah buat masa ini bagi mengelak terdedah secara berterusan kepada jerebu," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata, Pusat Kesihatan Usim akan mengedarkan 5,000 topeng muka di kawasan tumpuan pelajar, esok.

Setakat 2 petang ini, Nilai mencatat bacaan IPU tidak sihat, iaitu 169. - Bernama